

# Dakwaan

UMNO 15 MAY 1989

## terima 'habuan' berniat jahat

KUALA LUMPUR 14 Mei — Kerajaan menganggap laporan sebuah akhbar mingguan London, *Observer* yang mendakwa Malaysia dan UMNO menerima berbagai bentuk 'habuan' hasil daripada tolak ansur dalam pembelian senjata bernilai £1 bilion dari Britain sebagai berniat jahat hasil daripada kekecewaan pemilik akhbar itu untuk melobi bagi sebuah syarikat senjata Perancis.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, *Observer* adalah kepunyaan 'Tiny' Rowland iaitu seorang yang mewakili kepentingan firma Perancis yang menjual kapal terbang Mirage iaitu pencabar kepada pesawat pejuang Tornado buat British.

"Beliau memang mempunyai kepentingan diri sendiri dan cuba menggunakan akhbar miliknya itu untuk melepaskan kekecewaannya kerana kita tidak membeli jenis kapal terbang yang diwakilinya," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir dalam satu sidang akhbar di sini petang ini.

Menjawab satu pertanyaan Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk mengambil tindakan undang - undang terhadap akhbar berkenaan.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, pada asasnya media Barat memiliki rangkaian propaganda yang kuat dan berpengaruh, oleh itu adalah tidak bermakna bagi kerajaan untuk mengambil sebarang tindakan undang - undang.

"Biarlah mereka lakukan apa sahaja yang mereka suka asalkan kita berada di pihak yang benar," ujar Perdana Menteri.

Dalam perjanjian tersebut, Malaysia dijangka akan membeli beberapa buah pesawat Tornado buatan British dan peralatan senjata lain termasuk kapal selam dan peluru berpandu.

Bagaimanapun, akhbar mingguan itu mendakwa, UMNO akan mendapat habuan yang lumayan kerana bertolak ansur dengan tawaran kerajaan Margaret Thatcher.

Sementara itu wartawan Utusan di London, Razak Rasheed Ghows melaporkan, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London menyifatkan sebagai rekaan semata - mata laporan akhbar *Observer* hari ini kononnya Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan datang ke London minggu depan bertujuan untuk menyelamatkan masalah yang timbul dalam pembelian Tornado berjumlah 1.0 bilion pound.

Jurucakapnya berkata, laporan itu adalah suatu pemalsuan dan imaginasi penulis itu sendiri.